



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI JABATAN PERDANA MENTERI**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PENYIAR BERITA (C.1-2 EB.3)
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



PENYIAR BERITA
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang Journalism / Kewartawanan / Komunikasi Massa / *Media Studies* / Pengajian Brunei / *Public Affairs* / Teknologi Maklumat atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang bersesuaian dan mempunyai pengalaman bertugas secara tetap atau sambilan dalam media penyiaran tidak kurang dari 6 bulan

ATAU

- c) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- d) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

SYARAT-SYARAT LAIN

1. Dimestikan lulus dalam ujian kelayakan (*audition*) yang dikendalikan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei;



2. Bagi pengisian Penyiar Berita untuk berita atau rancangan-rancangan yang berkenaan dalam Bahasa Melayu, maka para pemohon hendaklah fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris;
3. Bagi pengisian Penyiar Berita untuk berita atau rancangan-rancangan yang berkenaan dalam Bahasa Inggeris, maka para pemohon hendaklah fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dan boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu;
4. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Mandarin dan bahasa-bahasa lain selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah kelebihan;
5. Berkebolehan membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*;
6. Hendaklah mempunyai minat dan pengetahuan mengenai hal ehwal media penyiaran / hal ehwal kewartawanan / hal ehwal penyuntingan dan hal ehwal semasa;
7. Berpengalaman dan berpengetahuan dalam bidang kewartawanan / penyuntingan / hal ehwal semasa / hal ehwal media penyiaran adalah kelebihan;
8. Berkebolehan dalam berkomunikasi dengan orang awam;
9. Berkeyakinan diri yang tinggi, kreatif dan pro-aktif dalam hal ehwal penyiaran berita;
10. Berdaya usaha dan berkreativiti tinggi bagi memenuhi cita rasa penonton / pendengar adalah kelebihan;
11. Berpengetahuan mengenai terasul dan penggunaan bahasa dalam adalah kelebihan;
12. Berkebolehan dalam menulis skrip televisyen / radio / berita dan hal ehwal semasa adalah kelebihan;
13. Pernah mengikuti Program Pembangunan dalam bidang yang berkenaan anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei adalah kelebihan;



14. Berkeupayaan membuat keputusan secara bijaksana dengan segera dalam hal ehwal penyiaran berita termasuk dalam suasana tegang;
15. Peka terhadap perkembangan dan hal ehwal dalam negeri, serantau dan antarabangsa;
16. Memahami konsep Negara Melayu Islam Beraja;
17. Berpengetahuan mengenai adat istiadat dan protokol Negara Brunei Darussalam;
18. Memahami misi dan dasar Jabatan dalam pembangunan negara; dan
19. Syarat-syarat lain yang dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab kepada Penyiar Berita Kanan yang berkenaan;
2. Menyampaikan berita televisyen / radio;
3. Membuat rakaman suara latar bagi produk-produk berita;
4. Membuat bahan audio (aktualiti) seperti yang diarahkan; dan
5. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dan semasa ke semasa.